
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2003/2004

April 2004

JUT 202 – Tamadun Islam dan Tamadun Asia 2

Masa : 2 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

...2/-

1. Malaysia merupakan sebuah negara yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa dan agama. Berdasarkan fakta tersebut anda dikehendaki menjawab soalan-soalan berikut :
 - (a) Berikan takrif orang Asli.
 - (b) Siapakah yang dimaksudkan dengan peribumi ?
 - (c) Pilih dua suku kaum di Sabah dan bincangkan tentang perekonomian tradisional mereka.
 - (d) Bincangkan tentang asal usul orang Melayu Sarawak.

(25 markah)
2. Huraikan tentang pengertian Tamadun menurut :
 - (a) Prof Syed Naquib al-Attas
 - (b) Ibn Khaldun
 - (c) Karl Marx
 - (d) Bahasa Arab

(25 markah)
3. Huraikan secara ringkas tentang perkara-perkara berikut :
 - (a) Struktur masyarakat India
 - (b) Sistem kasta
 - (c) Kedudukan wanita dalam masyarakat India
 - (d) Falsafah Tamadun India

(25 markah)
4. Bincangkan perkara-perkara berikut dengan ringkas :
 - (a) Tahap perkembangan tamadun China
 - (b) Aspek-aspek tamadun China
 - (c) Penyembahan roh nenek moyang
 - (d) Sistem peperiksaan awam

(25 markah)